






## SIARAN AKHBAR

### INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KEEMPAT (Q4 2023)

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau *Residential Property Price Index* (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku keempat 2023 (Q4 2023). Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi). RPPI mengukur kadar perubahan harga hartanah kediaman persendirian yang dibeli oleh isi rumah dari semasa ke semasa.
2. Pada Q4 2023 RPPI adalah pada tahap 91.8, iaitu merupakan penurunan sebanyak 6.6% tahun-ke-tahun berbanding dengan Q4 2022, dan penurunan sebanyak 6.1% suku tahun-ke-suku tahun berbanding dengan Q3 2023.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q4 2022	Dari Q3 2023
Q4 2023	91.8	- 6.6%	- 6.1%





- Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman persendirian yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 137 transaksi pembelian hartanah kediaman persendirian telah dicatatkan pada Q4 2023. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 37.0% dalam jumlah transaksi berbanding dengan Q3 2023 dan juga peningkatan sebanyak 1.5% berbanding dengan satu tahun yang lalu. Pada suku keempat 2023, sebahagian besar daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* (62.8%); diikuti oleh rumah teres (20.4%); rumah berkembar atau *semi-detached* (14.6%); dan pangsapuri (2.2%). Tiada pembelian tanah melalui pembiayaan bank telah dicatat pada suku keempat 2023.

4. Harga penengah [*median*] bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman persendirian pada Q4 2023 adalah BND258,000. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 0.8% berbanding dengan Q3 2023 dan juga setahun lalu. Harga penengah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* adalah BND272,000; BND275,500 bagi rumah berkembar atau *semi-detached*; BND202,500 bagi rumah teres; dan BND210,000 bagi pangsapuri. Pengiraan RPPI adalah menggunakan harga penengah dan bukan harga purata kerana harga penengah tidak mudah terjejas oleh harga hartanah yang luar biasa dalam suatu tempoh masa.
5. Dari segi lokasi, kebanyakan pembelian hartanah persendirian pada Q4 2023 adalah terletak di Daerah Brunei dan Muara (111 hartanah), diikuti oleh Daerah Tutong (14 hartanah), dan Daerah Belait (12 hartanah). Sehubungan dengan ini, lima buah Mukim yang merekodkan jumlah transaksi yang tertinggi bagi Q4 2023 adalah Mukim Sengkurong, Mukim Mentiri, Mukim Kilanas, Mukim Gadong and Mukim Berakas B.

<b>Jumlah Transaksi pada Q4 2023 mengikut Daerah</b>	
Brunei dan Muara	111
Tutong	14
Belait	12
Temburong	0

<b>5 Mukim dengan Jumlah Transaksi Tertinggi pada Q4 2023</b>	
Sengkurong	27
Mentiri	17
Kilanas	15
Gadong	15
Berakas B	15

6. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antaranya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
7. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web BDCB [www.bdcg.gov.bn](http://www.bdcg.gov.bn). Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

**Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 8 Ramadhan 1445H/ 19 Mac 2024M

Rujukan: BDCB/COMMS/3